

PENUTUP

PENUTUP

KESIMPULAN

Daripada fakta-fakta dan huraian-huraian yang telah disebutkan, dapatlah dibuat rumusan bahawa perkahwinan poligami ini bukanlah satu amalan yang diperkenalkan setelah kedatangan Islam sebagaimana yang didakwa. Menurut sejarah ia telah lama diamalkan oleh masyarakat yang sebelumnya malahan telah diamalkan oleh nabi-nabi sebelum kedatangan Nabi Muhammad s.a.w. Begitu juga halnya bagi masyarakat jahiliyyah, mereka telah mempunyai isteri yang ramai dan dijadikan sebagai gundik untuk menghiburkan hati mereka. Amalan ini sebenarnya telah lama diamalkan namun kedatangan ajaran Islam adalah sebagai penyelamat kepada keadaan yang kucar-kacir. Islam bertujuan menstrukturkan semula amalan yang dilakukan agar berjalan dengan cara yang betul berdasarkan nilai-nilai murni.

Berasaskan kepada konsep inilah Islam tidak menurunkan dalil pengharusan poligami semata-mata, tetapi ia disusuli dengan syarat-syarat tertentu yang bertujuan menjaga kesejahteraan umat. Jika diteliti ayat-ayat yang telah dihuraikan dalam bab-bab yang lalu, Allah telah memberi amaran kepada sesiapa yang berhasrat untuk berpoligami agar bersedia untuk melakukan keadilan. Sekiranya mereka berasa bimbang tidak akan berlaku adil, maka Allah menerangkan dengan sejelasnya bahawa berkahwiniah hanya seorang sahaja. Begitulah telitinya Islam dalam mendisiplinkan umat manusia.

Amaran Allah kepada mereka yang khuatir tidak mampu berlaku adil dalam berpoligami itu sebenarnya adalah bertujuan untuk menjaga kemaslahatan umat manusia terutama kaum wanita. Sebagaimana yang telah dijelaskan, kemampuan keadilan adalah satu syarat penting yang mesti dimiliki dalam berpoligami. Walaupun begitu, keadilan yang dimaksudkan dalam Islam adalah adil dalam perkara-perkara zahir sahaja termasuklah dalam pembahagian nafkah, giliran bermalam, tempat kediaman, pakaian dan lain-lain keperluan hidup. Manakala bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan perasaan dan hati di mana manusia tidak mampu untuk mengawalnya, maka Islam tidaklah sesekali memberati untuk menyamaratakannya antara seorang isteri dengan isteri yang lain. Sungguhpun demikian, demi untuk memelihara kerukunan rumahtangga dan menjaga hati para isteri, Allah menegaskan bahawa seorang suami tidaklah boleh terlampau menunjuk-nunjuk rasa kasih sayangnya terhadap sebelah pihak sahaja sehingga melukakan hati di pihak yang lain.

Huraian-huraian tadi jelas menggambarkan tentang penekanan Islam dalam mengenakan syarat yang ketat bagi mereka yang ingin berpoligami. Ini jelas menunjukkan bahawa walaupun Islam mengharuskan poligami namun ia adalah satu alternatif yang boleh diambil setelah diri benar-benar bersedia dalam mendisiplinkannya.

Selain itu jika dilihat kepada sebab-sebab yang diharuskan poligami, walaupun ia tidak disebut secara jelas dalam al-Quran namun ia menunjukkan – perkaitan antara sebab penurunan ayat dengan keharusan berpoligami. Sebagaimana yang telah dihuraikan, penurunan ayat ini adalah setelah berlakunya

perang Uhud di mana ramai pejuang Islam yang mati syahid dan meninggalkan janda-janda serta anak-anak yatim. Berpoligami di sini adalah bertujuan untuk membela nasib mereka yang kehilangan tempat bergantung.

Di sini menunjukkan pada asalnya Islam menjadikan poligami sebagai satu usaha murni untuk menjaga kepentingan individu yang lain dan bukannya semata-mata untuk memenuhi keperluan sendiri. Namun begitu dalam meneruskan kehidupan di dunia, di dapati poligami juga boleh dijadikan sebagai satu alternatif apabila berlaku ketidakmampuan atau keuzuran isteri dalam melayani kehendak dan keperluan suami. Situasi begini adalah menjadi faktor pendorong kearah poligami. Namun apa jua alasan yang diberikan, poligami yang akan diamalkan semestinya tidak melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam Islam agar poligami tidak menjadi satu beban kepada pihak tertentu.

Berdasarkan kepada konsep inilah satu peruntukan telah dibina di samping undang-undang atau peraturan yang telah ditetapkan dalam al-Quran. Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu (EUPKIT) yang telah diluluskan pada tahun 1985 telah diguna pakai dalam memastikan perjalanan permohonan dan pengamalan poligami oleh masyarakat di Terengganu khususnya berjalan mengikut lunas yang digariskan.

Telah diterangkan dalam EUPKIT bahawa seseorang yang ingin berpoligami mestilah mendapat kebenaran daripada Hakim Syarie terlebih dahulu. Peruntukan ini adalah selaras dalam semua negeri di Malaysia. Namun begitu, dalam beberapa syarat lain dalam peruntukan poligami didapati terdapat

beberapa perbezaan antara satu negeri dengan negeri yang lain. Perbezaan inilah menyebabkan rata-rata ramai yang mengatakan bahawa undang-undang poligami di Terengganu adalah lebih longgar berbanding dengan negeri-negeri lain. Hakikatnya, kelulusan poligami di Terengganu tidaklah semudah yang disangkakan. Dalam hal ini, hakim mempunyai bidang kuasa yang luas untuk menilai dan meluluskan setiap permohonan poligami. Sekiranya terdapat keraguan terhadap butir-butir peribadi yang diberikan oleh pemohon, hakim berhak menyiasat samada dengan memanggil isteri atau sebaliknya. Justeru itu jelaslah bahawa walaupun dalam EUPKIT tidak terdapat syarat-syarat berpoligami yang diperuntukkan secara statut, namun hakim bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan pemohon itu benar-benar layak untuk berpoligami.

Dalam membincangkan tentang keadilan dalam berpoligami, EUPKIT memperuntukkan bahawa menjadi satu kesalahan kepada sesiapa yang tidak berlaku adil kepada isteri-isteri dan mereka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM1000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Statistik menunjukkan permohonan untuk berpoligami di Daerah Kuala Terengganu sentiasa meningkat dari tahun ke setahun dan kebanyakan permohonan ini diluluskan. Namun persoalan yang mungkin timbul adakah mereka ini benar-benar layak untuk berpoligami sebagaimana yang dikehendaki syariat?

Walaupun pada prinsipnya poligami yang diamalkan adalah bukan suatu tegahan dalam Islam, namun terdapat sedikit percanggahan dari sudut syariah dalam perlaksanaannya dan tidak kurang pula menimbulkan ketidakpuashatian dikalangan pihak tertentu. Hal ini timbul disebabkan oleh beberapa situasi yang menimbulkan kemuşykilan. Ini dapat dilihat daripada jawapan soalselidik yang telah dijalankan. Berhubung dengan pencapaian objektif poligami misalnya, poligami yang diamalkan hari ini khususnya bagi pengamal poligami di Daerah Kuala Terengganu masih lagi tidak memenuhi sepenuhnya objektif pengharusan poligami ini. Perkara ini dapat dilihat daripada beberapa sudut antaranya tentang kriteria pemilihan isteri. Islam mengharuskan poligami adalah untuk menolong mereka yang hilang tempat bergantung seperti janda dan anak-anak yatim. Namun dalam situasi hari ini, kebanyakan mereka memilih perempuan yang masih bujang malah jauh lebih muda dari mereka untuk dijadikan isteri. Keadaan inilah yang menimbulkan ketidakpuashatian dikalangan golongan tertentu kerana poligami ini dilihat sebagai memenuhi keperluan lelaki dan bukanlah lebih bertujuan ikhlas untuk menolong mereka yang tidak berdaya.

Faktor lain yang menimbulkan persoalan adalah dari segi alasan untuk berpoligami. Daripada analisa jawapan soal-selidik terhadap suami didapati alasan yang paling utama lelaki berpoligami adalah untuk mengelakkan diri daripada melakukan maksiat, kedua mereka berkemampuan, ketiga kerana terlanjur seterusnya untuk menolong janda dan peratus tersedikit adalah kerana isteri yang sedia ada berpenyakit. Daripada huraian-huraian ini didapati alasan – yang diberikan adalah untuk menjaga kepentingan nafsu sendiri sedangkan isteri yang sedia ada masih mampu menjaga keperluan suami. Apakah hanya dengan

berpoligami sahaja dapat mengelakkan diri daripada melakukan maksiat?. Bagaimana pula keadaannya apabila sudah beristeri dua tetapi masih tidak mampu mengawal nafsu? Seharusnya mereka memikirkan perasaan isteri yang masih lagi mampu bermakna untuk suami. Inilah sebenarnya yang membuatkan ramai isteri yang dipoligami merasa tersisih sedangkan mereka memberi sepenuh tumpuan terhadap keluarga.

Selain daripada itu dapatan kajian juga mendapati kebanyakannya pengamal poligami menghadapi masalah kewangan untuk mentadbir dua buah keluarga kerana purata mereka yang berpoligami memperolehi purata gaji antara RM500-RM1500. Dalam situasi sekarang, pendapatan begini sudah tidak mampu untuk memberi keselesaan kepada dua buah keluarga. Kadangkala pemasalahan kecil ini akan menimbulkan pergaduhan antara suami isteri. Hal ini perlu dikaji lebih mendalam agar lelaki yang berpendapatan rendah memikirkan tanggungjawab besar yang akan dihadapi dalam berpoligami. Daripada kajian juga didapati majoriti daripada responden suami masih tidak pasti samada mereka berlaku adil dalam berpoligami atau tidak. Hal ini tidak sepatutnya berlaku kerana mereka seharusnya yakin telah berlaku adil antara isteri-isteri kerana Allah telah memberi amaran bahawa sekiranya kamu khawatir tidak berlaku adil, maka kahwinilah hanya seorang isteri.

Faktor lain adalah dari segi perlaksanaan poligami. Hasil kajian daripada isteri-isteri yang dipoligami didapati beberapa masalah yang timbul dalam hidup - bermadu. Antaranya dari segi giliran bermalam, kebanyakan isteri pertama didiskriminasikan dan tidak diberikan hak yang sepatutnya. Begitu juga dari segi

kadar pemberian nafkah, tidak dinafikan terdapat suami yang masih lagi memberi nafkah walaupun tidak berapa mencukupi untuk keperluan isteri namun masih lagi terdapat sungutan bahawa suami yang tidak memberi nafkah kepada isteri pertama semenjak berpoligami. Bagaimanakah nasib mereka sekiranya hal ini berlanjutan. Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan yang membenarkan mereka untuk berpoligami?. Walaupun terdapat peruntukan undang-undang terhadap mereka yang tidak melakukan keadilan dalam berpoligami namun adakah ia memadai untuk menyekat hal ini daripada berlaku?. Terlalu banyak kes rumahtangga yang tidak dapat diselesaikan dalam masa terdekat dan ini menimbulkan pemasalahan besar kepada wanita yang terlibat.

Selain daripada itu, daripada keseluruhan dapatan kajian mendapati perhubungan antara isteri-isteri dan anak-anak adalah tidak mesra malah menimbulkan perasaan cemburu antara satu sama lain. Kebanyakan daripada mereka samada isteri pertama atau isteri baru berpendapat bahawa poligami sebenarnya membawa banyak masalah kerana suami tidak mampu memenuhi keperluan zahir dan batin.

Kesan poligami juga boleh dilihat daripada dapatan kajian terhadap anak-anak daripada ibubapa yang berpoligami. Kebanyakan mereka berpandangan bahawa bapa mereka tidak dapat berlaku adil dalam berpoligami. Poligami memberi kesan negatif terhadap perasaan anak-anak apatah lagi kebanyakan mereka mengakui sering mendengar pertelingkahan ibubapa. Hal ini memberi - kesan kepada pelajaran dan kehidupan sosial mereka kerana hasil kajian mendapati terdapat anak-anak yang terpaksa berkorban untuk menolong

menambahkan pendapatan ibu mereka setelah keperluan mereka diabaikan. Malah terdapat mereka yang terjebak dengan masalah sosial dan menyalahkan ibubapa terhadap apa yang terjadi. Majoriti anak-anak daripada kedua-dua isteri berpandangan bahawa poligami banyak memberi kesan negatif daripada positif terhadap kehidupan mereka.

Secara keseluruhannya didapati pengamal poligami di Daerah Kuala Terengganu masih lagi tidak dapat memberi komitmen sepenuhnya terhadap tanggungjawab yang diamanahkan Allah ini. Hal ini menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan wanita. Bermula dari kriteria pemilihan isteri, situasi isteri yang sedia ada sehingga kepada perlaksanaan dan kesan poligami terhadap isteri dan anak-anak, didapati masih banyak yang perlu diperbetulkan samada dari segi perundangan ataupun pemahaman individu itu sendiri.

Walaupun terdapat beberapa kemusyikan dan ketidakpuashatian, poligami yang diamalkan hari ini tidaklah boleh dihapuskan pengharusannya kerana ia adalah ketetapan syariat. Setiap apa yang diharuskan dalam Islam itu sebenarnya mengandungi hikmah yang tidak terhingga. Sekiranya digunakan mengikut keperluan syariat dan bukannya untuk kepentingan individu, poligami ini akan menyelesaikan banyak masalah dan menjamin kesejahteraan hidup.

SARANAN-SARANAN

Memandangkan terdapat kemosykilan dalam pengamalan poligami terutama dalam soal kriteria lelaki yang layak untuk berpoligami, maka pihak berkuasa seharusnya meletakkan garis panduan dan syarat-syarat khusus untuk seorang lelaki berpoligami. Walaupun telah terdapat peruntukan undang-undang tentang syarat-syarat untuk berpoligami dikebanyakannya negeri di Malaysia, namun masih timbul lagi kritikan dalam perlaksanaannya. Pihak berkuasa haruslah mengkaji secara ditil tentang latarbelakang pemohon dan bukan hanya bergantung kepada butir-butir yang diisi dalam borang permohonan. Tindakan memanggil isteri yang sedia ada untuk memberi keterangan adalah jalan terbaik kerana isteri sahaja yang mengenali kemampuan suami dari segi zahir dan batin. Walaupun Islam tidak mewajibkan meminta keizinan isteri untuk berpoligami, namun pandangan isteri seharusnya diambil kira apatah lagi dalam keadaan mereka mempunyai anak-anak dan isteri yang sedia ada tidak mengalami sebarang keuzuran untuk melayan suami. Keizinan isteri ini adalah suatu langkah untuk mengawal amalan ini supaya ianya berlaku dengan tanggungjawab tanpa berlaku darar di pihak isteri pertama dan anak-anak.

Pihak berkuasa perlulah sentiasa prihatin agar perlaksanaan poligami yang bertentangan dengan syariat dapat dielakkan. Berhubung dengan sebab-sebab berpoligami, terdapat pemohon yang memberi alasan bahawa poligami ini adalah bertujuan untuk mengelakkan diri daripada melakukan maksiat atau sudah terlanjur. Walaupun pada hakikatnya mereka mempunyai ekonomi yang kukuh, namun keadilan suami bukanlah terletak kepada pada ekonomi semata-mata tetapi juga dikira akhlak dan tabiat suami. Alasan sebegini seharusnya diberi

perhatian kerana ia berkait rapat dengan akhlak suami yang akan mentadbir dua buah keluarga. Sekiranya hal yang berkaitan dengan nafsu tidak dapat dikawal, bagaimana mereka boleh mentadbir keluarga dengan baik dalam keadaan diri dikuasai nafsu.

Pihak berkuasa juga haruslah cepat mengambil tindakan sekiranya terdapat sebarang aduan tentang permasalahan poligami. Hal ini jika dibiarkan berlarutan dan mengambil masa yang lama untuk diselesaikannya, banyak pihak yang akan menerima kesan negatif.

Keseragaman undang-undang juga penting bagi seluruh negeri di Malaysia samada dari segi syarat, denda dan apa-apa prosedur yang berhubung dengan poligami. Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan sebarang kesulitan yang mungkin timbul dan saling tuding menuding antara satu sama lain tanpa penyelesaian. Walaupun sudah diwar-warkan oleh kerajaan tentang keseragaman undang-undang ini, namun tindakan segera haruslah diambil kerana pemasalahan akan bertambah dari masa ke semasa.

Bagi menjamin pencapaian objektif pengharusan poligami dalam Islam, kajian-kajian lanjut dan pandangan-pandangan tentang kekeluargaan Islam seharusnya diberi perhatian secara berterusan agar permasalahan yang berhubung dengan institusi kekeluargaan tidak dipandang remeh. Ini kerana keunggulan sesebuah masyarakat itu adalah berteraskan kepada keutuhan sebuah keluarga yang tinggi nilai disiplin dan akhlaknya. Sebuah kehidupan yang berdasarkan kepada syariat pasti akan menjamin kesejahteraan dunia dan akhirat.